



TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. **“Kempen CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA” (“Kempen”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (“BSN”) dan akan berlangsung dari **1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025**, termasuk kedua-dua tarikh (**Tempoh Kempen**), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN. Penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat adalah dianggap terbatal.
The “Embrace Spirit of Raya with BSN Visa Cards (“Campaign”) is organized by Bank Simpanan Nasional (“BSN”) and will be held from 1 March 2025 until 31 May 2025, both dates inclusive (“Campaign Period”), unless notified otherwise by BSN. Entries received outside the Campaign Period will be disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

2. Tertakluk kepada Klausula 3 di bawah, Ahli Kad Utama Kad Debit/i BSN Visa dan/atau Kad Kredit/i BSN Visa (“Kad BSN”) adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“Ahli Kad”) :
Subject to Clause 3 below, BSN Principal Visa Debit Card/i and/or BSN Visa Credit Card/i (“BSN Cards”) Cardmembers are eligible to participate in this Campaign (“Cardmembers”):
3. Entiti-entiti / individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following entities/ individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:*
 - a) Ahli Kad Tambahan Kad Kredit/i BSN Visa (“Ahli Kad Tambahan”);
BSN Supplementary Visa Credit Card/i Cardmembers (“Supplementary Cardmembers”);
 - b) Ahli Kad Kredit-i BSN Mastercard;
BSN Mastercard Credit Card/i Cardmembers;
 - c) Pemegang akaun bersama Kad Debit BSN Visa;
BSN Debit Card joint account holder;
 - d) Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen dan/atau yang melanggar perjanjian mereka dengan BSN;
Cardmembers whose accounts with BSN are believed to be operated fraudulently or which have been invalid, suspended, closed, cancelled, delinquent and/or who are in breach of their agreement with BSN.
4. Walau apa pun peruntukan di atas, BSN mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan kriteria kelayakan Ahli Kad untuk Kempen ini dari semasa ke semasa.
Notwithstanding the above, BSN shall have the sole discretion to decide on the eligibility criteria of the Cardmembers for the Campaign from time to time.



MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

5. Penyertaan adalah automatik dan tiada pendaftaran diperlukan. Untuk menyertai Kempen ini, Ahli Kad mesti membuat perbelanjaan dengan Kad BSN (“Perbelanjaan Yang Layak”) untuk mendapatkan Penyertaan Kempen / Pulangan Tunai yang dinyatakan berikut:

Participation is automatic and no registration is required. To participate in this Campaign, Cardmembers must spend with BSN Cards (“Qualified Spending”) to earn the following Campaign Entries / Cash Back:

Perbelanjaan Yang Layak/ Qualified Spending	Penyertaan Kempen/ Campaign Entries
Setiap perbelanjaan RM50 dalam resit tunggal dengan Kad Debit/-i atau Kredit/-i BSN Visa <i>For every spend of RM50 in a single receipt with BSN Visa Debit/-i or Credit Card/-i</i>	5
Setiap perbelanjaan RM50 dalam resit tunggal dengan Kad Debit/-i atau Kredit/-i BSN Visa di ***Rakan niaga yang mengambil bahagian. <i>For every spend of RM50 in a single receipt with BSN Visa Debit/-i or Credit Card/-i at ***Participating Merchants.</i>	10
Setiap RM500 Pindahan Baki dan/atau Pelan EasyCash dan/atau Pelan EasyPay yang diluluskan menggunakan Kad Kredit/-i BSN Visa. <i>For every RM500 BSN Balance Transfer and/or EasyCash plan and/or EasyPay Plan approved using BSN Visa Credit Card/-i.</i>	50
Kad Kredit/-i BSN Visa yang baharu diluluskan (Baharu-kepada-Bank) * <i>Newly approved BSN Visa Credit Card/-i (New-to-Bank)*</i> - Melakukan permohonan dan perbelanjaan minimum RM50 sepanjang Tempoh Kempen. <i>Apply and spend a minimum of RM50 during Campaign Period.</i>	50 Bonus Penyertaan** (Sekali sahaja) 50 Bonus Entries** (one-off)

*Baharu-kepada-Bank: Bukan Ahli Kad BSN sedia ada; atau tidak memegang mana-mana Kad Kredit/-i BSN; atau Kad Kredit/-i BSN telah dibatalkan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kelulusan kad.

** Penyertaan Bonus diberikan sekali sahaja; sebarang perbelanjaan tambahan akan mengikut kriteria kemasukan standard kad kredit.

***Rujuk www.bsn.com.my/page/Raya2025 untuk senarai rakan niaga yang mengambil bahagian.

**New-to-Bank: Not an existing BSN Cardmember; or not holding any BSN Credit Card/-i; or BSN Credit Card/-i has been cancelled more than six (6) months from the card approved date.*

***The bonus entries will be awarded only once; any additional spending will follow the standard credit card entries criteria.*

****Refer www.bsn.com.my/page/Raya2025 for the Participating Merchants listing.*



6. Selain Penyertaan Kempen yang diperoleh daripada **perbelanjaan di rakan niaga yang mengambil Bahagian** yang dinyatakan dalam Klausa 5 di atas, Ahli Kad juga layak untuk F&B Istimewa iaitu Ahli Kad layak menerima **Pulangan Tunai 50%** untuk sebarang jumlah perbelanjaan di rakan niaga yang mengambil Bahagian (Rujuk www.bsn.com.my/page/Raya2025 untuk senarai rakan niaga yang mengambil bahagian).
*Besides the campaign entries earned from spending at **participating merchants** stated in Clause 5 above, the Cardmembers are also eligible to F&B Special ie. the Cardmembers are eligible to receive **50% Cash Back** on any amount spent at Participating merchants (Refer to www.bsn.com.my/page/Raya2025 for the Participating Merchants listing).*

7. Sebarang perbelanjaan oleh Ahli Kad Tambahan dan/atau pemegang akaun bersama Kad Debit BSN akan dikira sebagai perbelanjaan Ahli Kad mengikut Perbelanjaan Yang Layak bagi tujuan pengumpulan bilangan jumlah Penyertaan Kempen Ahli Kad.
Any spending by the Supplementary Cardmembers and/or BSN Debit Card joint account holder shall be considered as the Cardmembers' transaction as per Qualified Spending for the purpose of aggregating the Total Campaign Entries.

8. Perbelanjaan Yang Layak merujuk kepada pembelian barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian dengan menggunakan Kad BSN dan tidak termasuk transaksi berikut:-
The Qualified Spending shall mean the purchase of goods and services for personal consumption using BSN Card(s) and shall NOT include the following transactions:
 - a) Bayaran ansuran untuk Pelan Pindahan Baki BSN, Pelan EasyCash, Pelan 0% EasyPay dan/atau Pelan Instalment-Pay;
Monthly Instalment for BSN Balance Transfer Programme, EasyCash Plan, 0% EasyPay Plan and/or Instalment-Pay Plan;

 - b) Pendahuluan tunai/ Pengeluaran/ Transaksi deposit/ Pulangan Tunai;
Cash advance/ Withdrawal / Deposit Transaction/Cash Back;

 - c) Transaksi dengan Kad Debit melalui Mesin Teler Automatik (ATM);
Debit card transaction made via Automated Teller Machine (ATM);

 - d) Transaksi yang dibatalkan, dikembalikan, dipertikai, ditolak, batal, dibahagi dan/atau menipu;
Disputed spending which is subsequently cancelled, refunded, disputed, unauthorized, void, split and/or fraudulent;

 - e) Pembayaran caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi pembaharuan kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj penipuan atau mana-mana fi, caj atau penalti yang dikenakan oleh BSN atau sebaliknya;
Payment of service charges, delivery charges, cash payments, card replacement fee, government service tax, dispute charges, fraud charges or any other fees, charges or penalties imposed by BSN or otherwise;



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA /
TERMS AND CONDITIONS – EMBRACE SPIRIT OF RAYA WITH BSN VISA CARDS
CAMPAIGN

- f) Pembelian PIN, tambah nilai prabayar, dan/atau pembelian e-SSP;
PIN purchase, prepaid reload, and/or e-SSP purchase;
- g) Urus niaga kuasi tunai – contoh: pertaruhan dan/atau transaksi permainan; dan
Quasi cash transactions – e.g. betting and/or gaming transaction; and
- h) Urus niaga lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
Such other transaction as determined by BSN from time to time.

HADIAH / PRIZES

9. Hadiah Kempen (“Hadiah”) adalah seperti berikut:
Campaign prizes (“Prizes”) are as follows:-

Category <i>Category</i>	Hadiah <i>Prize</i>	Jumlah Pemenang <i>Total Winners</i>
Hadiah Pertama* <i>First Prize</i>	Pelayaran Kapal Layar untuk 10 orang <i>Adventurous Yacht Trip for 10 persons</i>	5
Hadiah Kedua* <i>Second Prize</i>	Percutian di <i>Cruise</i> Mewah untuk 2 orang <i>Luxury Cruise Trip for 2 persons</i>	8
Hadiah Bonus <i>Bonus Prize</i>	Pulangan Tunai RM100 <i>RM100 Cash Back</i>	500
F&B Istimewa** <i>F&B Special</i>	Pulangan Tunai 50%, dihadkan kepada RM200 setiap Ahli Kad sebulan <i>50% Cash Back, capped at RM200 per Cardmember per month</i>	

*Ahli Kad hendaklah mempunyai Perbelanjaan Yang Layak terkumpul sebanyak RM1,500 dan ke atas sepanjang Tempoh Kempen untuk layak bagi cabutan Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua.

**Cardmembers must have a minimum accumulated Qualified Spending of RM1,500 and above throughout the Campaign Period to be eligible for the draw for First Prize and Second Prize.*

10. Jumlah Pulangan Tunai yang diperuntukkan untuk F&B Istimewa** adalah RM300,000 sepanjang Tempoh Kempen dan dihadkan pada RM200 sebulan untuk setiap Ahli Kad, tanpa mengira bilangan Kad BSN yang dimiliki oleh Ahli Kad. Pulangan Tunai diberikan atas dasar yang pertama didahulukan sehingga dana habis sepenuhnya.

*The total Cash Back allocated for F&B Special** is RM300,000 throughout the Campaign Period, with a cap of RM200 per month for each Cardmember, despite the number of BSN Cards owned by the Cardmember. The Cash Back is awarded on a first come, first served basis, until the fund is fully utilized.*

11. Contoh pengiraan Penyertaan Kempen dan 50% Pulangan Tunai (F&B Istimewa) adalah seperti di bawah:

Example of the calculation of Campaign Entries and 50% Cash Back (F&B Special) is as follows:



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA /
TERMS AND CONDITIONS – EMBRACE SPIRIT OF RAYA WITH BSN VISA CARDS
CAMPAIGN

Tarikh <i>Date</i>	Jenis Kad Visa Digunakan Semasa Transaksi <i>Visa Card Type Used During Transaction</i>	Jenis Transaksi <i>Transaction Type</i>	Amaun Transaksi (Resit Tunggal) <i>Transaction Amount (Per Receipt)</i>	Penyertaan Kempen <i>Campaign Entries</i>	Pulangan Tunai <i>Cash Back</i>
6/3/2025	Kad Debit/ <i>Debit Card</i>	Barangan Runcit/ <i>Groceries</i>	RM120	10	-
18/3/2025	Kad Kredit/ <i>Credit Card</i>	Belanja di Rakan Niaga yang mengambil bahagian/ <i>Spend at Participating Merchants</i>	RM83	10	RM41.50
26/3/2025	Kad Kredit/ <i>Credit Card</i>	Petrol/ <i>Petrol</i>	RM98	5	-
Jumlah Pulangan Tunai <i>Total Cash Back Earned</i>					RM41.50
8/4/2025	Kad Debit/ <i>Debit Card</i>	Belanja di Rakan Niaga yang mengambil bahagian/ <i>Spend at Participating Merchants</i>	RM241	40	RM120.50
11/4/2025	Kad Debit/ <i>Debit Card</i>	Belanja di Rakan Niaga yang mengambil bahagian/ <i>Spend at Participating Merchants</i>	RM33	-	RM16.50
13/4/2025	Kad Kredit/ <i>Credit Card</i>	Pakaian/ <i>Clothing</i>	RM50	5	-
22/4/2025	Kad Kredit/ <i>Credit Card</i>	Belanja di Rakan Niaga yang mengambil bahagian/ <i>Spend at Participating Merchants</i>	RM140	20	RM70
Jumlah Pulangan Tunai <i>Total Cash Back Earned</i>					Max RM200
11/5/2024	Kad Debit/ <i>Debit Card</i>	Pembayaran Bil/ <i>Bill payment</i>	RM48	-	-
18/5/2024	Kad Debit/ <i>Debit Card</i>	Belanja di Rakan Niaga yang mengambil bahagian/	RM80	10	RM40



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA /
TERMS AND CONDITIONS – EMBRACE SPIRIT OF RAYA WITH BSN VISA CARDS
CAMPAIGN

		<i>Spend at Participating Merchants</i>			
21/5/2024	Kad Kredit/ <i>Credit Card</i>	Pemohonan <i>EasyCash/ EasyCash Application</i>	RM2,800	250	-
Jumlah Pulangan Tunai <i>Total Cash Back Earned</i>					RM40
Jumlah Pulangan Tunai Diperolehi sepanjang Tempoh Kempen <i>Total Cash Back Earned throughout the Campaign Period</i>					RM281.50
Jumlah Penyertaan Kempen Yang Dikumpulkan Sepanjang Tempoh Kempen <i>Total Campaign Entries Earned during the Campaign Period</i>				350	

PEMILIHAN DAN PEMBERITAHUAN PEMENANG / WINNER SELECTION AND NOTIFICATION

12. Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Pemenang bagi Kempen ini akan dipilih melalui proses pemilihan berkomputer secara rawak berdasarkan Penyertaan Kempen yang telah direkodkan di dalam sistem perbankan BSN sepanjang Tempoh Kempen (“Pemenang”).

Subject to the adherence of the conditions as specified in this Terms and Conditions, the Winners of this Campaign will be selected through a computerized random selection process based on the Campaign Entries that have been recorded in the BSN’s banking system during the Campaign Period (“Winner”).

13. Ahli Kad hanya layak untuk memenangi Hadiah sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen, kecuali Hadiah F&B Special.

Cardmembers are entitled to win Prize once throughout the Campaign Period, except for the F&B Special Prize.

14. Senarai transaksi yang telah ditentukan oleh BSN adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dengan apa cara sekali pun.

The list of transactions determined by BSN shall be conclusive and may not be challenged in any manner whatsoever.

15. Untuk Hadiah Pertama dan Kedua, Pemenang dikehendaki menghubungi agensi yang dilantik untuk mengatur perjalanan mereka. Sebarang permintaan tambahan selain daripada Hadiah yang ditetapkan oleh BSN akan ditanggung oleh Pemenang.

For First and Second Prizes, the Winners are required to contact the appointed agency to arrange their trip. Any additional requests beyond the Prizes determined by BSN shall be borne by the Winners.

16. Senarai dan butiran Pemenang (nama dan empat (4) nombor terakhir kad pengenalan) akan dipaparkan di www.bsn.com.my (“Laman Web BSN”) dan/atau laman media rasmi BSN dan dengan menyertai Kempen ini paparan tersebut dipersetujui oleh Ahli Kad dan/atau Pemenang.



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA /
TERMS AND CONDITIONS – EMBRACE SPIRIT OF RAYA WITH BSN VISA CARDS
CAMPAIGN

The list and the details of the Winners (name and last four (4) digit of identification number) will be published at www.bsn.com.my ("BSN's Website") and/or BSN's social media page and by participating in this Campaign, the publication is consented by the Cardmembers and/or Winners.

17. Status kemenangan Pemenang akan dimaklumkan melalui paparan di Laman Web BSN dan/atau telefon dan/atau emel dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN dalam tempoh enam belas (16) minggu dari tarikh akhir Tempoh Kempen.
The winning status of the Winners will be notified through announcement on the BSN's Website and/or via telephone and/or email and/or any other method(s) deemed suitable by BSN within sixteen (16) weeks from the end date of the Campaign Period.
18. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam bentuk lain.
Prizes are strictly non-transferable and non-exchangeable to any other form.
19. Hadiah Bonus tidak akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Tambahan dan/atau pemegang akaun bersama Kad BSN.
Prizes or Cash back will NOT be credited into the Supplementary Cardmember's account and/or BSN Card joint account holder's account.
20. Sekiranya Hadiah Bonus atau F&B Istimewa dikreditkan ke dalam akaun Pemenang dan BSN kemudian mendapati bahawa Perbelanjaan Yang Layak telah dibatalkan/menjadi tidak sah, BSN berhak untuk membalikkan Hadiah Bonus dan F&B Istimewa daripada akaun Pemenang yang terbabit dan pembalikan tersebut akan dipaparkan pada penyata bulanan kad Pemenang.
In the event the Bonus Prize or F&B Special has been credited into the Winner's account and subsequently BSN discovers that the Qualifying Spending has been cancelled/cancelled/becomes void, BSN reserves the right to reverse the crediting of the Bonus Prize or F&B Special from the Winner's account and the said reversal will be reflected on the Winner's monthly card statement.
21. Sekiranya Ahli Kad menamatkan akaun Kad BSN dalam Tempoh Kempen, maka penyertaan Ahli Kad dalam Kempen ini akan terbatal secara automatik.
In the event the Cardmembers terminate the BSN Card account during the Campaign Period, then the Cardmembers' entries in this Campaign will be automatically cancelled.
22. BSN berhak untuk memilih pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen.
BSN reserves the right to select an additional winner to substitute any Winner who may be ineligible, cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.
23. BSN berhak dengan budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.



**TERMA DAN SYARAT – KEMPEN CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA /
TERMS AND CONDITIONS – EMBRACE SPIRIT OF RAYA WITH BSN VISA CARDS
CAMPAIGN**

BSN reserves the right in its sole discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.

24. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan mengenai kualiti dan/atau kesesuaian apa sahaja Hadiah yang ditawarkan bagi Kempen ini dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak semasa penghantaran (jika berkenaan). Pemenang hendaklah berurusan secara langsung dengan pengeluar Hadiah untuk mendapatkan maklumat jaminan atau untuk membuat sebarang tuntutan tanpa merujuk kepada BSN.

BSN makes no representation or warranty with regarding the quality and/or suitability of the Prizes offered for this Campaign and shall not be held responsible to replace any lost, stolen or defective Prize during the delivery (if applicable). The Winner shall deal directly with the Prize provider to obtain warranty information or to make any claim without recourse to BSN.

25. Semua pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Kempen ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.

All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign and the Terms and Conditions attached to the Prizes, if any.

26. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.

The determination of the Winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.

HAK BANK / BANK'S RIGHT

27. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuklah tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever including but not limited to in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible for or accept any liability incurred by Eligible Participants directly or indirectly, caused by the changes.



28. BSN berhak, mengikut budi bicaranya mutlaknya untuk membatalkan penyertaan mana-mana Ahli Kad yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Cardmembers who is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

29. Ahli Kad adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

The Cardmembers shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

30. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Ahli Kad / Pemenang.

Any cost, fee and/or expenses incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Cardmembers / Winners.

31. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

BSN shall not be held responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.

32. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Ahli Kad daripada penyertaan Kempen ini.

BSN does not guarantee and does not promise any specific results to any Cardmember from participating in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

33. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau



pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada untuk menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web BSN; atau untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau untuk mengesahkan status akaun Ahli Kad dengan mana-mana pihak ketiga; atau apabila diminta secara bertulis oleh Ahli Kad; atau untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi, Polisi Privasi akan diguna pakai.

By participating in this Campaign, the Cardmembers hereby voluntarily give express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, to use the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign, subject to the Privacy Policy which may be viewed on BSN's website; or to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or to comply with a Court order or direction; or to verify the Cardmembers' account status with any third party; or where the Cardmembers requests in writing; or to protect and defence BSN or BSN's asset. In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall apply.

34. Ahli Kad memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan Yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut.

The Cardmembers hereby authorise BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Cardmembers' account or banking services and authorises such disclosure by such person.

35. Ahli Kad mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

The Cardmembers have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- b) Meminta apa-apa pembedulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi;
Raise any questions regarding the use of Personal data;

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.



36. Ahli Kad bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen oleh Ahli Kad yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.

The Cardmembers agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in the Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Cardmembers' participation in the Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Cardmembers.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

37. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad dianggap telah bersetuju:

By participating in this Campaign, all Cardmembers are deemed to have agreed:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan yang dibuat ke atasnya; dan

To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and

- b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Ahli Kad sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

To access to the BSN's Website on regular basis to ensure that the Cardmembers are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

38. Ahli Kad dan/atau Pemenang bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN.

The Cardmembers and/or Winners agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website.

39. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Ahli Kad, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Cardmembers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

40. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA /
TERMS AND CONDITIONS – EMBRACE SPIRIT OF RAYA WITH BSN VISA CARDS
CAMPAIGN

pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, terbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuiaan atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.

In all circumstances BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.

41. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Cardmembers and/or Winners resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

42. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad/ Pemenang memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Ahli Kad dan Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Cardmembers/ Winners consent to BSN the right to publish or display the its name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Cardmembers and the Winners are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

43. BSN berhak mengikut budi bicaranya mutlaknya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN CERIAKAN RAYA DENGAN KAD BSN VISA /
TERMS AND CONDITIONS – EMBRACE SPIRIT OF RAYA WITH BSN VISA CARDS
CAMPAIGN

disebabkan oleh perubahan ini. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad dan/atau Pemenang.

BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Cardmembers and/or Winners, directly or indirectly, caused by the changes. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Participants and/or Winner(s).

44. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budibicara mutlak pihak BSN.
In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its sole discretion.
45. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
46. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300 88 1900.
For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN Customer Contact Centre at 1 300 88 1900.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS -